

**IMPAK SOSIOBUDAYA PROJEK UDANG KOLAM
TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG
SUNGAI ELOI, PITAS, SABAH**



JOYIEMIN MIN

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**IMPAK SOSIOBUDAYA PROJEK UDANG KOLAM
TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG SUNGAI ELOI
PITAS, SABAH**

JOYIEMIN MIN



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **IMPAK SOSIOBUDAYA PROJEK UDANG KOLAM TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG SUNGAI ELOI, PITAS, SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **JOYIEMIN MIN**, Sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Master ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Disahkan Oleh,
ALBERTO ANING
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

JOYIEMIN MIN
MA1411029T

Tarikh : 10 Mac 2020

(Prof. Madya Dr. Gusni Saat)
Penyelia

PENGAKUAN

Kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

10 MAC 2020


Joyiemin Min
MA1411029T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : JOYIEMIN MIN
NO.MATRIK : MA1411029T
TAJUK : IMPAK SOSIOBUDAYA PROJEK UDANG KOLAM
TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG SUNGAI ELOI,
PITAS, SABAH
IJAZAH : SARJANA SASTERA
BIDANG : SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL
TARIKH VIVA : 15 JANUARI 2020



DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA

Prof. Madya Dr. Gusni Saat

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

Prof Dr. Fadzilah Majid Cooke

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka tesis penyelidikan sarjana ini akhirnya dapat disiapkan. Tesis ini adalah hasil usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan perjalanan dalam menghasilkan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Gusni Bin Saat selaku penyelia utama yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan ilmu yang diberikan. Tidak dilupakan juga kepada penyelia bersama, Dr Fadzilah Majid Cooke yang turut sama banyak membantu mencorakkan perjalanan pengajian sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia 2013 – 2018, di bawah Skim Geran Penyelidikan Niche (Ekologi Akuakultur NRGS 0007) yang memberi dana bagi menjalankan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Dekan, Pensyarah dan Kakitangan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas bantuan dan galakan serta sokongan membina yang diberikan.

Ucapan jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli keluarga terutamanya ibu saya, Rujinah Binti Saduk dan Bapa saya, Min Bin Musin, dan adik-beradik saya serta ahli keluarga besar saya yang telah banyak memberikan sokongan moral, bantuan kewangan bagi memudahkan saya menjayakan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada kepada sahabat seperjuangan Mohd Zulhalmi Bin Ibrahim, Mohd Jirey Kumalah, Ryan Morrent Jimbu, Nivashini Tamothran, rakan ANSOS dan UPEP yang lain atas semangat setiakawan dan perkongsian suka duka sepanjang pengajian master yang ditunjukkan. Semoga ukhwah kita berkekalan hendak-Nya.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan hanya Tuhan yang mampu membalasnya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah Azza Wajala dan yang buruk itu adalah kelemahan saya sendiri.

Joyiemin Min
10 Mac 2020

ABSTRAK

"Pembangunan" merupakan proses perubahan sosial menyeluruh yang boleh difahami dari perspektif makro dan mikro. Perspektif makro melihat pembangunan sebagai pembangunan yang digerakkan oleh pihak swasta, bermatlamatkan keuntungan. Perspektif mikro pula menanggapi pembangunan sebagai usaha kerajaan untuk membangunkan masyarakat, menerusi projek-projek sosio-ekonomi untuk membangun modal insan, khusus disasarkan kepada kumpulan sosial tertentu, terutama golongan miskin. Kajian ini mengenai pembangunan projek penternakan udang kolam Sunlight Inno Seafood Sdn Bhd, di Daerah Kecil Pitas, Sabah, yang juga merupakan pembangunan Kerajaan Sabah untuk membangun komuniti setempat. Setelah lima tahun beroperasi, bagaimanakah impak Projek Udang Kolam ini terhadap pembangunan komuniti setempat di Kampung Sungai Eloi? Inilah isu yang menjadi persoalan kajian ini. Bagi membahas persoalan tersebut, tiga objektif berikut telah dikaji secara khusus: pertama, membincangkan kepentingan sumber paya bakau kepada komuniti kajian; kedua, menganalisis impak projek udang kolam ke atas komuniti kajian; dan ketiga, membincangkan tindakbalas komuniti terhadap impak negatif projek udang kolam ini. Dari segi metodologi, kajian telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes untuk mendapatkan data empirikal. Ia memberikan tumpuan hanya kepada sebuah sahaja daripada beberapa komuniti yang berkepentingan terhadap kawasan paya bakau yang telah dibangunkan sebagai projek udang kolam iaitu komuniti di Kampung Sungai Eloi. Semua ketua rumah komuniti penelitian terlibat sebagai populasi kajian yang menggunakan kaedah pengutipan data iaitu temubual, perbincangan kumpulan berfokus, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Kajian mendapati bahawa projek udang kolam Sunlight Inno Seafood Sdn Bhd, mempunyai impak yang ketara ke atas komuniti Kg. Sungai Eloi, yang dapat dianalisis dari segi impak positif dan negatif. Kewujudkan peluang pekerjaan, perniagaan dan juga kemasukan infrastruktur asas iaitu jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih dalam kawasan kajian, adalah impak positif projek pembangunan dari projek udang kolam. Secara langsung dan tidak langsung peluang-peluang ekonomi dan kemudahan asas ini telah meningkatkan taraf hidup komuniti penelitian. Impak negatif projek udang kolam ialah kepupusan sumber paya bakau akibat pemusnahan hutan bakau yang menjadi warisan sosio-budaya komuniti setempat seperti sumber makanan, kraftangan, bahan binaan, perubatan tradisional dan kawasan suci/berpenunggu. Oleh kerana penyertaan warga komuniti Kg. Sungai Eloi yang amat terbatas dalam peluang pekerjaan projek ini, maka mereka terus bergantung kepada sumber paya bakau yang semakin berkurangan. Akibatnya, komuniti bertindak menentang perluasan dan operasi projek tersebut, menggunakan strategi mempertahankan paya bakau yang masih ada. Dengan menubuhkan sebuah organisasi pengurusan paya bakau komuniti yang berfungsi melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan paya bakau seperti penerusan penggunaan alatan tradisional dalam pengambilan sumber bakau, penerusan amalan kepercayaan tradisi dan pengazetan kawasan paya bakau sebagai kawasan tagal komuniti. Jesteru itu, kajian ini mendapati bahawa kegagalan projek udang kolam untuk meningkatkan taraf hidup komuniti peribumi setempat disebabkan pendekatan pembangunan makro-mikro, yang lebih berpihak kepada kepentingan syarikat.

Kata Kunci: *Pembangunan, Makro-Mikro, impak sosio-budaya, komuniti, penentangan.*

ABSTRACT

THE SOCIO-CULTURAL IMPACT OF SHRIMP POND PROJECT TOWARD SUNGAI ELOI COMMUNITY, PITAS, SABAH

"Development" is a comprehensive social change process that can be understood from macro and micro perspective. The macro perspective sees development as a private, profit-driven development. Meanwhile, micro-perspective development is a governmental effort to develop community, through socio-economic projects to build human capital, especially the poor as the targeted social groups. This study is about the operation of Sunlight Inno Seafood Sdn Bhd's shrimp pond project in Pitas, Sabah, which under Sabah Government's development towards local communities. After five years of operation, how has this Shrimp Project impacted local community in Kampung Sungai Eloi? Therefore, this would be this study research question. Hence to address this research question, three objectives have been specifically examined and formed: first, to discuss the importance of mangrove resources to the research community; second, to analyze the impact of the shrimp project towards the research community; and third, to discuss the research community's response to the negative impacts of the Shrimp Project. In terms of research methodology, this study used qualitative approach which is case study to obtain empirical data, focuses on just one from several communities that has same interest in the mangrove swamps which now has been transformed into Shrimp pond Project site. All Kg Sungai Eloi`s household heads were involved as studied population using several data collection methods namely, interviews, focused group discussion, observation and secondary data research. This study found that the Sunlight Inno Seafood Sdn Bhd Shrimp Project, has significant impact on the Kg Sungai Eloi community, which can be analyzed in terms of positive and negative impacts. The existence of employment and business opportunities as well as access to basic infrastructure in the study area (roads, electricity and clean water) regarded as the shrimp farming positive impact. These eventually improved community living standard. On the other hand, this shrimp Project also has led to loss of mangrove forests resources which has been community socio-cultural heritage such as food, building materials, handicraft, traditional medicine source and sacred areas as well. Due to the limited job participation, they remain depended on the declining mangrove resources and as a result, they against the further expansion and operation of the shrimp farming project, using several strategies to preserve the remaining mangrove area. These strategies can be seen through the establishment of community mangrove management organization that implemented mangrove management activities such as the continued use of traditional tools/knowledge in mangrove resources, the continuation of traditional belief practices and mangrove area gazettelement a which is locally known as Tagal. Therefore, this study found that failure of shrimp pond project to improve the living standards of the local community was due to the macro-micro development approach, which is more favorable to the company interest.

Keywords: *Development, macro-micro, socio-cultural impact, community, resistance*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Perspektif Teori	9
1.7.1 Pembangunan Mikro-Makro	9
1.7.2 Modenisasi	11
1.7.3 Tindakbalas Komuniti – Mores Komunikasi	13
1.7.4 Komuniti	14
1.7.5 Sosiobudaya	15
1.7.5 Model Kajian	16
1.8 Latar Belakang Etnik Tombonuo Kawasan Kajian	18
1.8.1 Sejarah Penempatan	18
1.8.2 Agama dan Kepercayaan	19
1.8.3 Aktiviti Sosioekonomi Komuniti	20
1.9 Organisasi Bab dalam Tesis	21
1.10 Rumusan	22
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Manfaat Penternakan Udang Kolam di Kawasan Luar Bandar Terhadap Negara	23
2.3 Impak Penternakan Udang Kolam Kepada Sosio-Ekonomi dan kehidupan Komuniti Tempatan	27
2.4 Tindakbalas Komuniti Tempatan Terhadap Impak Penternakan Kolam Udang	32
2.5 Lompang Kajian	36

2.6	Rumusan	37
-----	---------	----

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	38
3.2	Pendekatan Kajian	38
3.3	Kaedah Pengutipan Data	39
3.3.1	Temubual Mendalam	40
3.3.2	Temubual Separa Struktur	41
3.3.3	Perbincangan Kumpulan Berfokus	42
3.3.4	Pemerhatian Langsung/Secara Terus	43
3.3.5	Data Sekunder	45
3.4	Peringkat Pengutipan Data	46
3.5	Kaedah Analisis Data	47
3.5.1	Penggunaan perisian <i>Statistical Packages Social Science</i> (SPSS)	47
3.5.2	Data Kajian Kualitatif	47
3.6	Teknik Persembahan Data Kualitatif	49
3.6.1	Analisis Kandungan Data Kualitatif	49
3.6.2	Transkripsi Verbatim (Data Kualitatif)	49
3.6.3	Jadual, Rajah dan Gambar	50
3.7	Carta Aliran Metodologi Kajian	50
3.6	Rumusan	52

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Latar belakang Projek Udang Kolam Dalam Kawasan Kajian	54
4.2.1	Proses Perundingan Pelaksanaan Projek Pembangunan Kawasan Kajian	55
	I. Perundingan Peringkat Pengurusan atasan Pemilik Projek	55
	II. Proses perundingan dengan Komuniti Kajian	57
4.3	Kepentingan Paya Bakau kepada Komuniti Kajian	61
4.3.1	Sumber Makanan	61
	I. Tumbuhan paya bakau yang boleh dimakan	62
	II. Binatang Liar yang boleh dimakan	67
	III. Sumber Perikanan	68
4.3.2	Sumber Kraftangan	73
4.3.3	Sumber Bahan Binaan	77
4.3.4	Sumber Perubatan Tradisional	84
4.3.5	Kawasan Berpenjaga dan Suci	86
4.4	Impak Sosiobudaya Projek Udang Kolam ke atas Komuniti Kajian	87
4.4.1	Impak Positif Projek Udang Kolam	88
	I. Kewujudan Peluang Pekerjaan	89
	II. Pembinaan Infrastruktur Asas	88
	III. Peluang Perniagaan	94
4.4.2	Impak Negatif Projek Udang Kolam	96

I. Kemusnahan Paya Bakau	97
II. Penswastaan Kawasan Paya Bakau	99
III. Pencemaran sumber Paya Bakau dan Kehilangan sumber Kehidupan	100
IV. Limitasi Peluang Pekerjaan	103
V. Konflik pendapat mengenai manfaat Projek Udang Kolam	104
4.5 Tindakbalas Komuniti Terhadap Impak Projek Udang Kolam	107
4.5.1 Penubuhan Organisasi Pengurusan Paya Bakau Kampung Sungai Elo	108
4.5.2 Penerusan penggunaan Alatan Tradisional	109
4.5.3 Pengazetan Kawasan Paya Bakau Sebagai Tagal/Bombon Komuniti Pembinaan Rumah <i>Sinolapa</i>	112
4.5.4 Penerusan Sistem Kepercayaan Tradisi – Upacara <i>Momokan Mengapit</i>	115
4.6 Analisis Dapatan Kajian	120
4.7 Rumusan	124

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	126
5.2 Impak Sosiobudaya Projek Udang Kolam terhadap Komuniti di Kampung Sungai Elo	126
5.3 Implikasi Kajian Terhadap Pendekatan Pembangunan Mikro-makro	128
5.4 Cadangan Kajian	128
5.4.1 Mengambil kira keperluan komuniti dalam kawasan pembangunan sumber	129
5.4.2 Penglibatan dalam Pembuatan Keputusan dalam aktiviti pembangunan	130
5.4.3 Penekanan terhadap Penyediaan Infrastruktur asas	129
5.5 Sumbangan Kajian	131
5.5.1 Bidang Pembangunan Luar Bandar di Sabah	131
5.5.2 Bidang Akademik – Pembangunan Komuniti (Pengetahuan Tempatan)	131
5.5.3 Polisi dan Dasar Kerajaan atau badan berkaitan	132
5.6 Cadangan dan Kajian Masa Depan	132
5.5 Penutup	133

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Jumlah Penganut agama berdasarkan isi rumah	19
Jadual 1.2 : Pekerjaan berdasarkan Isi Rumah	21
Jadual 2.1 : Rumusan Impak Penternakan Kolam Udang Terhadap Sosio-ekonomi dan kehidupan komuniti tempatan	30
Jadual 3.1 : Aktiviti Pemungutan Data Primer	44
Jadual 4.1 : Manfaat Projek Udang Kolam kepada Komuniti Kajian	58
Jadual 4.2 : Ciri-ciri Projek Udang Kolam Sunlight Inno Seafood Sdn Bhd	60
Jadual 4.3 : Jumlah Isi Rumah yang masih bergantung dengan paya Bakau	61
Jadual 4.4 : Jenis tumbuhan paya bakau yang boleh dimakan	62
Jadual 4.5 : Jenis tumbuhan paya bakau sebagai bahan binaan	77
Jadual 4.6 : Keadaan Infrastruktur Kawasan Kajian	94
Jadual 4.7 : Pengalaman bekerja di Kolam Udang	104
Jadual 4.8 : Manfaat Operasi Projek Udang Kolam	105

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Lokasi Kajian	8
Rajah 1.2 : Model Kajian Impak Projek Udang Kolam Kepada Komuniti Kajian	17
Rajah 3.1 : <i>Cross - Methods Triangulation</i> yang diaplikasi dalam analisis data	48
Rajah 3.2 : Carta Alir Proses Penyelidikan	51
Rajah 4.1 : Carta Organisasi Paya Bakau Kampung Sungai Eloi, Sabah	108
Rajah 4.2 : Analisis dapatan kajian	120




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1 : Perasmian Kolam Udang Pitas oleh Ketua Menteri Sabah	59
Gambar 4.2 : Pembuatan ikan masin daripada lebihan ikan yang ditangkap	70
Gambar 4.3 : Antara hasil ikan yang ditangkap	71
Gambar 4.4 : Penjualan lokan di kawasan kajian	72
Gambar 4.5 : Siput dongul mudah untuk dipungut waktu air surut	73
Gambar 4.6 : Pokok bemban yang ditanam	75
Gambar 4.7 : Bidai yang dibuat sendiri	76
Gambar 4.8 : Ranting bakau dan daun nipah yang digunakan dalam kawasan tanaman	82
Gambar 4.9 : Bot kayu yang diperbuat daripada batang bakau	83
Gambar 4.10 : Akar bakau yang mempunyai nilai perubatan	85
Gambar 4.11 : Batu Onto yang dikatakan berpenunggu dan menjadi kawasan pemujaan komunti kajian	87
Gambar 4.12 : Pembinaan jalan raya dalam kawasan kajian	91
Gambar 4.13 : Sumber mata air dalam kawasan kajian	93
Gambar 4.14 : Kewujudan gerai-gerai kecil dalam kawasan kajian	94
Gambar 4.15 : Seorang wanita menjual atap nipah dan buah labu di pinggir jalan raya	96
Gambar 4.16 : Deretan pokok bakau yang dimusnahkan	98
Gambar 4.17 : Kawasan kolam udang telah dipagar menggunakan Zink	99

Gambar 4.18	: Penduduk memancing di kawasan paya bakau yang telah musnah	102
Gambar 4.19	: Seorang penduduk sedang memukat ikan di kawasan paya bakau yang telah musnah	102
Gambar 4.20	: Papan tanda protes dipaku dalam kawasan paya bakau	106
Gambar 4.21	: Bubu yang digunakan untuk menangkap ikan secara tradisional	110
Gambar 4.22	: Rumah <i>Sinolapa</i> dibina di kawasan Paya Bakau	114
Gambar 4.23	: Batu besar yang berpenunggu di kawasan <i>Lawotong Radap</i>	117
Gambar 4.24	: Upacara momokon mengapit dilakukan di kawasan <i>Lawotong Radap</i>	118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

%	- Peratus
ANSOS	- Antropologi Sosial dan Sosiologi
AIM	- Amanah Ikhtiar Malaysia
Bhd	- Berhad
BOD	- <i>Biochemical Oxygen Demand</i>
DWN	- Dasar Wawasan Negara
DPN	- Dasar Pembangunan Nasional
DO	- <i>Dissolved Oxygen</i>
DOF	- <i>Department of Fisheries</i>
GDP	- <i>Gross Domestic Products</i>
FAO	- <i>Food and Agriculture Organization</i>
FELDA	- <i>Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	- <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
JKKK	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan
Kg	- kilogram
LIGS	- Lembaga Industri Getah Sabah
m	- Meter
MESEJ	- Mini Estate Sejahtera
NKEA	- <i>National Key Economic Areas</i>
NRGS	- <i>Niche Research Grant Scheme</i>
RM	- Ringgit Malaysia
RISDA	- <i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
SAFODA	- <i>Sabah Forestry Development Authority</i>
SEDIA	- <i>Sabah Development Investment Authority</i>
SDC	- <i>Sabah Development Corridor</i>
Sdn	- Sendirian
UPEP	- Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai pembangunan luar bandar di Sabah, yang memberikan tumpuan terhadap projek udang kolam sebagai salah satu dari projek pembangunan ekonominya. Kajian kes adalah projek udang kolam di daerah Pitas dalam kawasan paya bakau warisan beberapa komuniti tempatan, komuniti Tombonuo di Kg Sungai Eloj, adalah satu daripada komuniti tempatan.

Oleh itu, bab ini menjelaskan perkara-perkara asas kajian iaitu Permasalahan Kajian, Persoalan dan Objektif Kajian, Skop dan Kepentingan Kajian, Perspektif Teori Kajian, Latar belakang kawasan Kajian dan Kandungan Tesis. Bab ini menjadi asas kepada perbincangan bab-bab berikutnya.

1.2 Permasalahan Kajian

Perubahan sosial seringkali dikaitkan dengan pembangunan akibat keperluan dalam pertumbuhan ekonomi. Perubahan sosial melalui pembangunan ekonomi ini dianggap sebagai satu penyelamat (bagi sesebuah masyarakat) daripada terus terperangkap dengan masalah kemiskinan khususnya di kawasan luar bandar (Nurasyikin Miskam & Haryati Shafi, 2012). Jesteru itu, transformasi pembangunan luar bandar adalah bertujuan untuk meningkatkan kehidupan ekonomi dan sosial komuniti miskin luar bandar menerusi projek modeniti, termasuklah meningkatkan perkhidmatan asas seperti

kesihatan dan pendidikan serta infrastruktur luar bandar (Bank Dunia, 2015). Sejak tahun 1970-an, di Malaysia pelbagai projek pembangunan luar bandar telah dilakukan melalui pelaksanaan dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000, Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001 – 2010 dan Dasar Transformasi Nasional (2011-2020) (Hasnah Hussin, 2015). Bertitiktolak daripada pelaksanaan dasar-dasar ini, pelbagai usaha pembasmian kemiskinan telah membuka peluang ekonomi dengan lebih luas untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan desa ke bandar. Usaha gigih kerajaan ini secara langsung telah mengubah keadaan luar bandar yang dilabel sebagai mundur, dibelenggu pengangguran dan kemiskinan menerusi penyusunan semula masyarakat. Kesannya, keadaan kehidupan komuniti luar bandar telah menjadi semakin baik daripada sebelumnya (Mohamed Zaini Omar, 2010). Komuniti luar bandar yang berasaskan ekonomi tradisional kini, menikmati peningkatan taraf hidup yang lebih baik (Yahaya Ibrahim, 2002).

Pembangunan luar bandar di Malaysia boleh difahami dari dua perspektif iaitu makro dan mikro (Gusni Saat, 2004). Perspektif makro merujuk kepada pembangunan ekonomi berasaskan sumber luar bandar yang lazimnya digerakkan oleh pihak swasta dan berasaskan keuntungan. Manakala, bagi perspektif mikro pula ia merupakan jenis pembangunan luar bandar yang khusus direka untuk komuniti yang digerakkan oleh pihak kerajaan dan menjurus kepada pembangunan komuniti itu sendiri. Contohnya, RISDA, FELDA dan Projek Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Namun, akhir-akhir ini terdapat pendekatan pembangunan yang baru iaitu dengan menggabungkan pendekatan makro dan mikro dengan melantik pihak swasta untuk mengendalikan projek kerajaan yang bersifat mikro iaitu ditujukan khusus kepada Komuniti. Persoalannya, apakah ini relevan dan mencapai matlamat untuk mencapai pembangunan mikro khusus kepada komuniti tersebut?

Di Sabah, pelbagai projek pembangunan luar bandar telah dilakukan dan antaranya adalah projek penternakan udang kolam yang telah diperkenalkan sejak tahun 1980-an lagi (Laporan Koperasi Pembangunan Ko-Nelayan, 2000). Ia juga merupakan salah satu projek pembangunan komersial luar bandar yang diusahakan secara intensif

dan meluas di Malaysia (Hall et al, 2011). Projek-projek adalah di bawah agenda program pembangunan luar bandar dan transformasi Agro-Makanan Malaysia, bagi memenuhi Dasar Agro Makanan Negara (NAP 2020). Ia dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan disenaraikan di bawah Bidang Berkeutamaan Ekonomi Negara (*National Key Economic Areas*, NKEA). Ia mendapat sokongan penuh daripada pihak kerajaan dan swasta, yang memberi fokus kepada transformasi sektor berasaskan pengeluaran secara tradisional di luar bandar dan kini kepada industri akuakultur yang berskala besar (Laporan Yayasan Sabah, 2014).

Pembangunan sektor akuakultur dilihat sebagai penyelesaian alternatif kepada penghasilan sumber makanan laut yang tidak mapan, akibat dieksploitasi berlebihan dengan menggunakan teknologi perikanan yang tidak mapan (Ismail Ali 2014, Raduan Arif 2001). Sedangkan permintaan terhadap hasil makanan laut terus meningkat. Pembangunan sektor akuakultur yang berkembang telah meletakkan Malaysia sebagai pengeluar udang yang keenam tertinggi dalam kalangan sepuluh negara pengeluar udang terbesar di Asia (FAO, 2015, Portley, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa projek penternakan udang kolam adalah faktor utama kepada pengeluaran udang yang mapan dan dapat menampung permintaannya yang terus meningkat (Mohd Fariduddin Othman et al, 2013). Namun demikian industri penternakan udang kolam memerlukan kos operasi yang mahal seperti modal, teknologi dan sumber manusia. Oleh itu ia tidak sesuai diceburi oleh komuniti setempat secara kecil-kecilan. Sebagai contoh hampir 90% daripada pengusaha kecil udang ini telah menemui kegagalan selepas setahun dua beroperasi serta meninggalkan mereka dalam keadaan berhutang (Vincelli, 2015).

Dalam menggalakkan lagi pembangunan luar bandar berasaskan akuakultur yakni penternakan udang kolam di Malaysia maka sebuah Projek Udang Kolam yang dikenali sebagai *Pitas Shrimp Park* telah dibina di kawasan paya bakau di Pitas, Kudat pada tahun 2013. Ia merupakan projek usahasama antara pihak kerajaan Sabah dengan pihak swasta dengan pembiayaan dana Bidang Ekonomi Utama Negara dibawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Sebahagian daripada matlamat projek udang kolam ini adalah untuk membangunkan komuniti setempat yang miskin menerusi penyediaan peluang pekerjaan; peningkatan pendapatan isi rumah; dan membangunkan

kemudahan infrastruktur asas. Disamping itu, ia juga bertujuan meningkatkan pendapatan negara melalui hasil eksport udang. Secara langsung ia menjadi salah satu projek mega pembangunan luar bandar di Daerah Pitas, ke arah memodenkan komuniti-komuniti miskin yang selama ini bergantung kepada hasil semulajadi kawasan paya bakau (Laporan Jabatan Perikanan Pitas, 2013).

Projek Udang Kolam Pitas ini dirancang oleh kerajaan sebagai projek pembangunan komuniti tempatan tetapi ia dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu Sunlight Innofood Sdn Bhd. Ini bermakna pendekatan pembangunan projek ini adalah mikro-mikro. Prinsip pendekatan pembangunan ini adalah matlamat keuntungan syarikat menjadi keutamaan, dan pada masa yang sama komuniti setempat akan mendapat manfaat dari segi peluang pekerjaan, disamping manfaat-manfaat secara tidak langsung terutama kemasukan infrastruktur asas seperti jalanraya, bekalan air paip dan bekalan elektrik. Pembangunan mikro adalah menasaskan komuniti miskin tempatan sebagai pihak berkepentingan yang mendapat manfaat dari Projek ini. Manakala, pembangunan makro pula menasaskan pertumbuhan ekonomi dari projek ini yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan Negara.

Kajian-kajian yang ada menunjukkan bahawa akuakultur projek udang kolam adalah antara projek-projek pembangunan luar bandar yang paling kurang berjaya mencapai matlamat pembangunan mikro. Akibatnya ia mendapat tindakbalas yang negatif daripada komuniti-komuniti setempat (Islam et. al., 2005, Vincelli, 2015, Joffre et. al., 2015, Kelly, 2012, Queiroz et. al., 2013). Penulusuran kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa aktiviti penternakan udang telah menyebabkan kemusnahan kawasan paya bakau (Primavera, 1998; Deb, 2006), penurunan sumber marin (Bailey, 1988; Landesman, 1994;), kualiti air paya terjejas dengan penurunan sumber nutrien (Chamberlain, 2001; Epa dan Wijeyaratne 2008). Dari aspek sosial pula, ia telah menyebabkan kehilangan sumber pencarian tradisional komuniti (Hernández-Rodríguez, 2001; Rönnbäck, 2001) dan keselamatan makanan komuniti terjejas (Joffre & Schmitt, 2010).

Di Malaysia kajian impak sosio-budaya projek udang kolam terhadap masyarakat tempatan masih lagi terhad. Kebanyakan kajian impak penternakan udang kolam di Malaysia adalah berbentuk laporan teknikal seperti Penilaian Kualiti Air Kolam Udang dan Penggunaan Teknologi Penternakan (Lihat Ghee-Thean et al 2016, Islam et al, 2014, Nyan Taw, 2011, Mordi Bimol et al, 2008, Norasma Dacho, 2007, Ng et al 2010) dan juga laporan ulasan aktiviti penternakan dan pengeluaran udang di Malaysia yang mencadangkan langkah dan strategi untuk mempergiatkan lagi pengeluaran hasil udang (Lihat Chowdhury et al, 2012 & Ng et al, 2010, Hashim & Subramaniam, 2005). Projek udang kolam di Kedah yang diusahakan oleh sebuah syarikat daripada Arab Saudi yang dikenali sebagai Kumpulan Saudi Ben Ladin pada tahun 1994, adalah antara projek yang gagal. Projek ini melibatkan tanah sawah milik komuniti tempatan seluas 400 hektar, yang menjadi antara sebab kegagalan projek.

Sebaliknya, laporan tentang impak projek udang kolam di Malaysia banyak datangnya daripada badan-badan bukan kerajaan (*Non-government Organisation*, NGO) dan juga komuniti-komuniti yang terjejas. Di Sabah, projek udang kolam Pitas telah mendapat perhatian pihak NGO. Ia disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dan nasional. Sebagai contoh, pada 30 Disember 2013, akhbar *Star Online* telah menyiarkan berita berjudul "*Shrimp park project in Pitas halted*". Pada 8 Februari 2015 *theecologist.com* telah menyiarkan berita berjudul "*Poverty alleviation' shrimp farms destroy mangrove forest, grab indigenous*". Berita berjudul "*Pitas group hands another memo to Musa over shrimp project*" juga telah diterbitkan dalam *daily express* pada 17 November 2016. Dalam Utusan Harian Borneo pada 20 Jun 2018, disiarkan berita berjudul "*Hentikan projek ternak udang di Pitas*". Demikian juga berita berjudul "*Malang Pitas di balik 'projek udang kerajaan*" telah disiarkan dalam *Malaysia Kini* pada 6 Mei 2018.

Tidak dinafikan bahawa usaha dalam membangunkan kawasan luar bandar melalui aktiviti penternakan udang kolam luar bandar mampu mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan ekonomi tempatan dan negara melalui hasil eksport sekaligus berpotensi untuk menjadi sebuah projek pembangunan luar bandar yang berjaya (Chowdhury, 2012). Namun begitu, seperti dilaporkan dalam media-media tempatan

memperlihatkan bahawa seolah-olah impak negatifnya projek udang kolam terhadap sosiobudaya komuniti-komuniti yang terlibat juga begitu banyak. Dalam hal ini menurut Chowdhury (2012) bahawa manfaat aktiviti penternakan udang kolam di Malaysia kepada komuniti tempatan masih kurang, ia disebabkan penerimaan mereka kurang disebabkan perusahaan ini memerlukan penggunaan teknologi yang tinggi.

Di Pitas Sabah, projek udang kolam membabitkan kawasan seluas 1,500 hektar paya bakau, milik tradisional komuniti tempatan, yang menempatkan sebanyak 1,100 kolam udang. Walaupun telah begitu banyak laporan media dibuat tentang impak projek ini tetapi sehingga kini, belum ada kajian ilmiah tentang impak sosiobudaya projek udang kolam tersebut ke atas komuniti tempatan. Persoalan yang menarik tentang projek ini ialah bagaimanakah projek ini telah memberi impak terhadap komuniti tempatan? Baik impak positif mahupun impak negatif.

1.3 Persoalan Kajian

Pelaksanaan projek udang kolam di Pitas, yang bermula pada awal tahun 2013, adalah projek pembangunan luar bandar Sabah di bawah Bidang Utama Ekonomi (*National Key Economic Areas*, NKEA). Ia bertujuan untuk membangunkan kawasan luar bandar di Pitas iaitu antara daerah termiskin di Sabah, menerusi penyediaan peluang pekerjaan; peningkatan pendapatan isi rumah; dan membangun kemudahan infrastruktur asas. Pada masa yang sama, ia juga bertujuan meningkatkan pendapatan negara melalui hasil eksport udang.

Isu yang menjadi persoalan umum kajian ini, adalah setelah lima tahun projek ini beroperasi, bagaimanakah impaknya terhadap pembangunan komuniti di kampung Sungai Eloi? Tentunya impak ini mempunyai dua dimensi iaitu positif dan negatif. Oleh itu, persoalan ini adalah merangkumi kedua-dua dimensi impak tersebut.

1.4 Objektif Kajian


Objektif kajian ini adalah,

- i. Memahami kepentingan sumber paya bakau kepada komuniti kajian
- ii. Menganalisis impak sosiobudaya projek undang kolam ke atas komuniti kajian
- iii. Membincangkan tindakbalas komuniti kajian terhadap impak projek undang kolam

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada komuniti Tombonuo di Kampung Sungai Eloi sahaja. Hal ini kerana mereka merupakan penduduk asal dalam kawasan kajian, bergantung sepenuhnya kepada sumber paya bakau tersebut dan menerima impak projek secara langsung. Jesteru itu, pemilihan responden kajian ini adalah relevan.

Lokasi kajian ini terletak di sebuah kawasan perkampungan luar bandar Komuniti Tombonuo yang mempunyai sumber paya bakau yang luas yang telah menjadi sumber saradiri mereka sejak bergenerasi. Walaupun, mereka mempunyai kebun getah sebagai sumber pendapatan isi rumah utama melalui projek Lembaga Industri Getah Sabah. Namun, mereka tetap meneruskan tradisi leluhur mereka yang bergantung kepada sumber paya bakau sebagai sumber kehidupan. Ini disebabkan harga getah yang tidak konsisten dan ruang penanaman getah yang terhad masih menjadikan mereka hidup dibawah paras kemiskinan. Penerusan pengambilan sumber paya bakau selain menjadi pilihan mereka, ia juga merupakan penerusan legasi identiti komuniti tombonuo dalam kawasan kajian. Rajah 1.1 merupakan gambaran lokasi kajian projek undang kolam dan Kg Sungai Eloi, yang terletak di Daerah Pitas, Sabah.



Rajah 1.1 : Lokasi Kajian

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian seumpama ini bukanlah sesuatu yang baru namun, ia juga mempunyai kepentingan sepertimana kepentingan penulisan kajian-kajian ilmiah lepas mengenai pembangunan luar bandar khususnya melalui projek penternakan udang kolam. Kajian ini membantu dalam memberikan gambaran sebenar situasi yang berlaku mengenai impak projek penternakan udang kolam dan tindakbalas komuniti dalam kawasan kajian tersebut.

Aktiviti penternakan udang secara komersial sudah sekian lama dilakukan di Sabah. Meskipun begitu, kemampunan pembangunan sektor akuakultur ini adalah suatu isu yang terasing khususnya di Sabah apatah lagi dalam konteks kajian ini ia merupakan salah satu projek pembangunan luar bandar, yakni impak sosiobudaya projek kolam udang ke atas komuniti kajian. Objektif pembangunan ini adalah untuk memodenkan